

Kementerian bawa masuk guru asing

Persediaan pelaksanaan dasar MBMMBI

Oleh Rohaniza Idris
roha@bharian.com.my

KUALA LUMPUR: Kementerian Pelajaran akan membawa masuk guru daripada tiga negara penutur jati bahasa Inggeris, iaitu United Kingdom, Australia dan New Zealand untuk mengajar bahasa berkenaan di sekolah sebagai persediaan ke arah pelaksanaan dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia, Memperkukuhkan Penguasaan Bahasa Inggeris (MBMMBI), tahun depan.

Timbalan Menterinya, Datuk Dr Wee Ka Siong, berkata kumpulan pertama akan tiba bulan depan dan akan diserapkan ke sekolah terpilih.

Tanpa menyebut kategori sekolah terpilih, Wee berkata, selain mengajar di sekolah, guru pakar bahasa itu akan turut memberi latihan pengajaran yang lebih berkesan kepada guru bahasa Inggeris di negara ini melalui pendekatan seni bahasa serta pembelajaran lebih interaktif.

"Pada masa sama, kementerian akan menawarkan kontrak kepada guru bahasa Inggeris yang akan bersara untuk terus berkhidmat. Kita juga akan memberi tawaran yang sama kepada guru yang sudah bersara dan jumlah mereka akan ditambah," katanya pada sidang media selepas Majlis Konvokesyen Graduan Bachelor Pendidikan Pengajaran Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Kedua (TESL) Kohort 3 di Institut Pendidikan Guru Kampus Bahasa Antarabangsa (IPGKPA) Lembah Pantai, di sini, semalam.

Seramai 264 graduan diraikan pada konvokesyen ber-

kenaan termasuk graduan Program Berkembar Sarjana Pendidikan antara IPGKPA dengan beberapa universiti di New Zealand, Australia dan United Kingdom.

Dr Wee berkata, selain pengambilan guru asing dan pesara, kementerian juga akan menambah pengambilan guru bahasa Inggeris melalui Program Kursus Perguruan Lulusan Ijazah (KPLI) dan Program Ijazah Sarjana Muda Keguruan (PISMK) secara berperingkat.

Katanya, sebelum ini, Menteri Pelajaran yang juga Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, sudah mengumumkan seramai 13,000 guru bahasa Inggeris akan diambil selaras pelaksanaan MBIMBM tahun depan.

Beliau berkata, buat masa ini, kementerian juga kini dalam usaha melaksanakan penempatan semula guru bahasa Inggeris bagi menampung keperluan guru itu di

kawasan luar bandar.

"Kita nak pastikan, setiap sekolah dapat guru opsyen kerana kita tidak mahu lagi guru yang tidak layak mengajar mata pelajaran berkenaan seperti yang berlaku di kawasan pedalaman, sekaligus mengelak lambakan guru Bahasa Inggeris di kawasan bandar.

"Lambakan ini timbul kerana guru yang opsyen Bahasa Inggeris bertugas di bandar kerana mengikut suami atau isteri bekerja. Mereka ini walaupun guru opsyen bahasa Inggeris tetapi tidak mengajar bahasa itu kerana guru bahasa itu sudah ada di sekolah tempat mereka mengajar.

"Apabila selesai penempatan semula itu nanti guru yang mengikut suami atau isteri bertugas di bandar akan ditempatkan di pinggir bandar supaya masalah lambakan dan kekurangan guru dapat diselesaikan," katanya.

Dalam perkembangan lain, Dr Wee berkata, kementerian kini dalam usaha menempatkan graduan KPLI ke kawasan luar bandar dan pedalaman terutama di Sabah dan Sarawak.

Katanya, setakat ini maklum balas diterima sangat menggalakkan dan setakat ini tiada aduan diterima mengenai guru baru yang menolak tawaran bertugas di pedalaman.

"Malah, beberapa graduan yang saya temui tahu mengakui mereka seronok mengajar di sana. Malah, kementerian menyediakan elaun kesudahan untuk guru mengajar di pedalaman antara RM500 hingga RM1,500 sebulan," katanya.

“Kementerian akan menawarkan kontrak kepada guru bahasa Inggeris yang akan bersara untuk terus berkhidmat. Kita juga akan memberi tawaran yang sama kepada guru yang sudah bersara dan jumlah mereka akan ditambah”

Wee Ka Siong
Timbalan Menteri Pelajaran